BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 06/11/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Khamis, 30 Jun 2011

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Mei 2011

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.3% pada asas tahunan. Penyumbang utama inflasi pada bulan tersebut adalah daripada kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan *pengangkutan*. Harga makanan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga *daging.* Inflasi dalam kategori *pengangkutan* meningkat pada bulan tersebut mencerminkan kesan pelarasan menaik terhadap harga RON97 daripada RM2.70 seliter kepada RM2.90 seliter ekoran kenaikan harga minyak mentah WTI pada bulan April.

Keadaan Monetari: Susulan keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 5 Mei 2011, kadar antara bank bagi semua tempoh matang turut dinaikkan. Dari segi kadar runcit, kadar deposit dinaikkan antara 24 hingga 28 mata asas. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan juga dinaikkan daripada 6.27% kepada 6.54%, dengan semua bank perdagangan domestik membuat pelarasan sebanyak 30 mata asas terhadap BLR masing-masing. Wang secara luas (M3) meningkat pada kadar tahunan 11.1%. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pemberian kredit oleh sistem perbankan kepada sektor swasta dan aliran masuk perdagangan yang lebih tinggi. Pembiayaan bersih kepada sektor swasta berkembang pada bulan Mei disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt security, PDS) yang lebih tinggi dan pinjaman sistem perbankan yang meningkat pada bulan itu. Terbitan PDS yang lebih tinggi disebabkan oleh beberapa terbitan yang besar, terutamanya oleh sektor kewangan. Peningkatan pinjaman terkumpul sistem perbankan kepada sektor perniagaan sebahagian besarnya juga disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor *harta tanah; perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel;* dan *kewangan*. Pinjaman kepada sektor isi rumah terus meningkat dengan stabil, didorong terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman dan bukan kediaman*; *kegunaan peribadi* dan *kereta penumpang*. Permohonan pinjaman terus

meningkat pada bulan Mei, dengan permintaan pinjaman daripada sektor perniagaan dan isi rumah yang lebih tinggi.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.4% dan 12.8%. Paras pinjaman terjejas (impaired loans) bersih terus stabil untuk mencakupi 2.1% daripada pinjaman bersih. Perlindungan kerugian pinjaman adalah pada 92.2%.

Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Mei, ringgit secara umumnya menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia kecuali euro. Penyusutan nilai ringgit adalah sejajar dengan trend serantau disebabkan oleh penghindaran risiko global yang lebih tinggi dalam keadaan kebimbangan tentang krisis hutang kerajaan di Eropah. Pada bulan Jun, ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia kecuali euro. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM402.6 bilion (bersamaan dengan USD133.2 bilion) pada 15 Jun 2011. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Bank Negara Malaysia
30 Jun 2011

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi meningkat pada bulan Mei

Inflasi



Inflasi: Sumbangan Mengikut Komponen



* Lain-lain termasuk *perkhidmatan rekreasi dan hiburan, minuman alkohol dan tembakau, pendidikan, kesihatan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah, komunikasi, pakaian dan kasut* dan *pelbagai barang dan perkhidmatan*

Kadar faedah meningkat pada bulan Mei susulan kenaikan OPR

Kadar Antara Bank Semalaman Purata



Kadar Antara Bank Purata



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar Deposit Bank Perdagangan



Kadar Pinjaman Bank Perdagangan



Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman-Deposit dan Nisbah Pembiayaan-Deposit



Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pertumbuhan wang secara luas lebih tinggi

M1 dan M3



Penyumbang Utama Pertumbuhan M3



Aktiviti pembiayaan berkembang pada bulan Mei

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman



Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta



* Tidak termasuk terbitan asing

Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Permohonan Pinjaman dengan Sistem Perbankan



Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti pinjaman yang stabil

Kekukuhan Modal



Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Perlindungan Kerugian Pinjaman



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman yang dilaporkan adalah berdasarkan FRS139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.

[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan am/peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman bersih.

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang rakan perdagangan utama

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama *



* Mata wang dalam indeks: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mac 11		Apr 11		Mei 11	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		61.9	9.5	70.5	25.2	77.2	33.5
M1		229.4	14.0	231.0	16.2	234.0	13.1
M2		1,088.6	8.6	1,103.1	10.7	1,117.0	11.6
M3		1,114.1	8.0	1,129.3	10.1	1,145.4	11.1
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		12.7	12.1	10.6	11.9	17.5	12.2
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		82.2		82.1		81.8	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [2&3]		88.1		88.1		88.0	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		71.0	37.5	63.7	19.5	66.4	27.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		39.0	44.7	36.0	24.0	35.5	26.9
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		72.5	17.3	60.3	-1.1	66.2	11.9
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		62.0	6.8	56.0	-2.0	54.1	6.6
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.4		14.5		14.4	
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (%)		2.2		2.1		2.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		344.5		393.2		401.4	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		113.8		130.0		132.7	
Bilangan bulan import tertangguh		8.2		9.3		9.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.75		2.75		3.00	
Antara bank:	Semalaman	2.74 [2.73]		2.63 [2.72]		2.99 [2.91]	
	1 minggu	2.76 [2.76]		2.76 [2.76]		3.01 [2.98]	
	1 bulan	2.79 [2.79]		2.76 [2.81]		3.11 [3.02]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.71		2.71		2.95	
	3 bulan	2.74		2.74		3.00	
BLR bank perdagangan		6.27		6.27		6.54	
ALR bank perdagangan		5.06		5.06		5.12	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		102.4	3.0	102.6	3.2	102.9	3.3

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

[2] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[3] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my